



جدوال قمباچان خطبه جمعة سيري 2022 /8

Bulan Ogos Tahun 2022

تاریخ	تاجوق	ب
5.8.2022M/ 7 Muharram 1443H	Muharram: Detik Permulaan Hijrah	1.
12.8.2022M/ 14 Muharram 1443H	Jauhi Cinta Terlarang	2.
19.8.2022M/ 21 Muharram 1443H	Bila Syariat Disingkir	3.
26.8.2022M/ 28 Muharram 1443H	Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan	4.
خطبه كدوا		

فرچیتقن دبیاای:



تلیفون: 04-5498088

Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Hijrah Dirai, Muallaf Disantuni

(5 Ogos 2022M / 7 Muharram 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِعِبَادِهِ هِجْرَةَ الْقُلُوبِ وَالْأَرْكَانِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ذُو الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَفْضَلُ خَلْقٍ مِنْ وَلَدِ عَدْنَانَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ عَلَى مَرِّ الْأَزْمَانِ،
إِتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ الرَّحْمَنِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ بِنَعِيمِ الْجَنَّةِ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri sendiri dan berpesan kepada tuan-tuan, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Berhijrahlah meninggalkan keburukan dengan berbekalkan iman dan sifat istiqomah, agar nanti kita diredhai Allah di dunia ini sehinggalah ke Jannah.

Sebelum melanjutkan bicara, dengarkanlah adab-adab mendengar khutbah berikut. Pertama, jangan berbual-bual. Kedua, jangan bermain telefon bimbit. Manakala yang ketiga, jangan tidur dengan sengaja ketika khatib berkhotbah. Semoga ganjaran pahala yang besar mengiringi ibadah yang kita tunaikan semata-mata kerana Allah. Pada hari yang berkat ini, mari kita berikan sepenuh tumpuan kepada khutbah yang bertajuk: **“Hijrah Dirai, Muallaf Disantuni.”**



SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Alhamdulillah, bersama-samalah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas limpah kurniaan-Nya, kita kini berada di fasa awal Muharram, menandakan masuknya tahun baru hijrah. Semoga tahun 1444H akan mendorong kita untuk berubah ke arah menjadi insan yang lebih baik dan lebih bertakwa kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Peristiwa hijrah Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** dari Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah adalah satu peristiwa agong dan bersejarah. Peristiwa hijrah ini telah menjadi permulaan kepada perkembangan pesat dakwah Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** dalam mentauhidkan Allah. Justeru, sewajarnya kita umat Islam mengambil pelajaran dan hikmah daripada peristiwa ini.

SIDANG IKHWAN YANG DIKASIHI,

Telah sekian lama kita umat Islam menyambut kehadiran Maal Hijrah, tetapi adakah kita telah benar-benar menghayatinya? Adakah kita telah berusaha dengan sedaya upaya kita untuk memahami serta mengambil pengajaran-pengajaran yang terkandung dalam peristiwa hijrah Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** itu?

Maksud “hijrah” yang sebenar pernah dinyatakan dalam sebuah hadis Riwayat Imam al-Bukhari daripada Abdullah bin Umar **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ** bahawa Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:

وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: “Sebenarnya orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan segala larangan Allah.”

Berdasarkan hadis ini, boleh difahami bahawa “hijrah” adalah tindakan meninggalkan segala bentuk kemungkaran yang dilarang oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.



Mendalami konteks ini, sesungguhnya kemungkaran terbesar adalah kesyirikan atau mengingkari keesaan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Maka, simbolik terbesar hijrah Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* adalah hijrah dari 'syirik' kepada 'tauhid'. Firman Allah dalam surah Fussilat ayat 33:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: *“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya Aku adalah daripada orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah).”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dakwah bukanlah tugas yang dipikul oleh agensi atau individu tertentu sahaja malah ia menjadi tanggungjawab kita bersama, sama ada secara individu atau secara berorganisasi seperti masjid, surau, NGO dan seumpamanya. Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada masyarakat majmuk, pelbagai kaum dan pelbagai agama. Keadaan ini menyediakan peluang dakwah yang luas untuk kita menyebarkan ajaran Islam.

Dakwah secara individu boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk, tidak semestinya secara langsung melalui kata-kata mahupun tulisan. Malah dakwah *'bil hal'* merupakan seruan berhikmah dengan menampilkan contoh tauladan dan akhlak yang baik sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam, adalah jauh lebih berkesan.

Dalam hal ini kita umat Islam perlu bersifat terbuka untuk berhadapan dengan jiran, rakan sekerja atau mereka yang bukan Islam, agar mereka berasa selesa dan tidak menganggap bahawa Islam adalah untuk bangsa, kaum atau warna kulit tertentu sahaja. Dakwah secara berorganisasi juga boleh dibuat dalam pelbagai pendekatan. Secara khusus, masjid dan surau sebagai institusi utama dalam masyarakat perlu memainkan peranan penting. Program dan aktiviti yang

sebelum ini banyak dijuruskan kepada kumpulan yang telah sedia jinak dengan Islam, perlu diperluas pula untuk ahli-ahli masyarakat atau ahli-ahli kariah yang lain, termasuklah kepada golongan yang bukan Islam. Begitu juga persatuan-persatuan penduduk, persatuan-persatuan kebajikan serta NGO-NGO Islam lainnya, perlu bergerak aktif melaksanakan program-program dakwah yang dapat menonjolkan Islam yang indah, lengkap dan sempurna.

SAUDARA-SAUDARA SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,

Satu lagi “hijrah” boleh kita lakukan adalah berkaitan santunan terhadap para muallaf atau ‘saudara baru’ yang baru sahaja memeluk Islam. Sifat peka dan mengambil berat tentang kebajikan mereka perlu dipupuk dalam kalangan kita semua, memandangkan ada sebahagiannya telah disisihkan oleh keluarga kandung. Ada pula yang kehilangan kekayaan dan harta benda, bahkan lebih dahsyat lagi ada dalam kalangan para muallaf ini menghadapi kecaman dan ancaman bunuh.

Sifat persaudaraan sesama muslim perlulah kita tanam dan bajai dalam kehidupan bermasyarakat, tanpa mengira bangsa, kaum, warna kulit mahupun paras rupa. Sekiranya saudara kita ditimpa musibah dan memerlukan pertolongan, maka hendaklah kita meringankan kesusahan mereka dengan menyumbangkan bantuan. Mungkin pada masa hadapan, giliran kita pula yang akan memerlukan bantuan mereka. Semangat persaudaraan sesama muslim, termasuk kepada para muallaf di kawasan kejiranan kita, hendaklah kita bina atas dasar keimanan dan ketakwaan kepada Allah, bukan kerana kekayaan atau sebarang pengaruh kepentingan duniawi. Dengan asas keimanan inilah masyarakat Islam akan dipandang mulia dan dapat terjalin dengan kukuh. Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

“Perumpamaan orang-orang mukmin dalam berkasih sayang, kecintaan dan lemah lembut mereka seperti satu badan. Apabila satu anggota badan mengadu sakit, maka seluruh anggota badan turut menanggung kesakitan dan sama-sama berjaga malam.” (Hadis Riwayat Al Bukhari dan Muslim)



Santunan yang baik kepada para muallaf adalah juga satu mesej dakwah, iaitu memberi contoh dan gambaran yang baik terhadap Islam untuk golongan bukan Islam. Dalam masa yang sama, para muallaf perlu juga membawa mesej dakwah dengan cara mendalami ilmu agama dan mengamalkannya, sekaligus menunjukkan keindahan Islam kepada keluarganya. Justeru, para muallaf perlu bersungguh-sungguh mempelajari Islam dan mengamalkannya.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan tempat bagi tujuan pendidikan dan kebajikan kepada para muallaf iaitu Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam, Penaga. Ia diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dengan peruntukkan melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP).

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Mengambil semangat awal Muharram, marilah kita tekadkan azam, mulakan usaha walau kecil sekalipun asalkan ada usaha untuk berubah kepada kebaikan.

Kesimpulan dari khutbah hari ini adalah:

Pertama: Hijrah adalah tindakan meninggalkan keburukan dan kemungkaran, menuju kebaikan dan ketakwaan.

Kedua: Usaha dakwah ke arah mentauhidkan Allah hendaklah dipikul bersama semua pihak, sama ada di peringkat individu mahupun organisasi.

Ketiga: Menyantuni golongan mullaf adalah salah satu bentuk dakwah dan langkah hijrah ke arah kebaikan dan ketaatan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Akhirnya, marilah kita merenung firman Allah dalam surah A-Taubah ayat 20 sebagai penutup:



الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: “(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang-orang berjaya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا ، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا بولن اُكوس

2022M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَايِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ - عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku



Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٩١﴾

